

10/06/1999

Usah perleceh tahap pemikiran rakyat

PENJELASAN Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail mengenai jawatan Perdana Menteri yang boleh dipegang oleh sesiapa saja asalkan mendapat sokongan majoriti Parlimen, adalah begitu jelas. Penjelasannya itu ditujukan kepada parti pembangkang yang pada masa ini dikatakan 'berebut-rebut' untuk menjawat jawatan itu, sekiranya menang dalam pilihan raya umum kelak. Apa yang jelas, sebelum mereka merebut jawatan tertinggi dalam kerajaan itu, mereka terlebih dahulu akan berebut-rebut kerusi apabila masing-masing mahu bertanding di sebanyak mungkin kawasan pilihan raya. Diramalkan, pembahagian kerusi di kalangan parti pembangkang bagi menghadapi pilihan raya kali ini akan mencetuskan perbalahan sengit. Hari ini pun sudah ada tanda-tanda perasaan tamak di kalangan parti pembangkang berkenaan.

Disebabkan jawatan Perdana Menteri tidak semestinya diisi oleh orang Melayu, jalan paling mudah ialah menggilirkan jawatan itu kepada pemimpin-pemimpin parti pembangkang berkenaan. Atas kertas, cadangan itu mungkin dilihat wajar. Jika Pas, Parti Keadilan Nasional (keADILan), DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) bercadang menggilirkan jawatan itu, mereka tidak ada halangan berbuat demikian. Artikel 43 Perlembagaan Persekutuan tidak menyatakan jawatan Perdana Menteri mesti dipegang oleh orang Melayu atau Islam, sebaliknya jawatan berkenaan boleh dipegang oleh rakyat Malaysia yang menjadi ahli Dewan Rakyat dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong serta memperolehi kepercayaan majoriti anggota dewan. Bagaimanapun, parti-parti pembangkang perlu ingat bahawa mereka kini membincangkan mengenai urusan mentadbir dan menguruskan sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Mampukah sebuah negara ditadbir oleh parti-parti yang tidak sehaluan? Jika soal asas sekali pun tidak dapat diselesaikan bersama, apakah kriteria yang boleh digunakan untuk membenarkan mereka memerintah negara ini?

Kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin lalu, yang mengatakan negara ini akan mempunyai kerajaan yang akan dipimpin empat parti yang berbeza pemimpin dan pendapat, perlu dilihat secara objektif. Jika empat Perdana Menteri hendak digilir-gilir sama rata dalam tempoh satu penggal (lima tahun), bermakna setiap seorang akan menjawat jawatan itu selama 15 bulan. Ia mungkin boleh diterima jika keempat-empat Perdana Menteri yang mewakili parti masing-masing mempunyai ideologi dan haluan yang sama.

Apakah ketika pemimpin Pas menjawat jawatan itu dalam tempoh 15 bulan ia mampu menubuhkan sebuah kerajaan Islam yang kononnya diperjuangkan? Apakah undang-undang hudud akan dijalankan hanya dalam tempoh berkenaan saja? Sekali pun ia mencuba, apakah parti-parti lain bersetuju dengan cadangannya itu? Sekiranya 15 bulan berikutnya DAP pula mengambil alih jawatan itu, apakah parti itu boleh menjayakan konsep Malaysian Malaysia yang dilaung-laungkannya hari ini? Apakah Pas dan parti lain bersetuju dengan cadangan itu sedangkan cita-cita Pas menubuhkan negara Islam dihalang? Berakhir saja wakil DAP menjadi Perdana Menteri, muncul pula Perdana Menteri daripada keADILan yang tidak jelas dari segi perjuangannya. Seterusnya, negara dipimpin pula oleh wakil daripada PRM yang mirip kepada idea sosialis. Pertelagahan ideologi ini memang jelas. Sekiranya parti-parti pembangkang diberi peluang untuk berkuasa, mereka akan menjadikan negara ini bercelaru. Negara akan menjadi miskin kerana tidak ada pihak yang yakin dengan kerajaan yang pastinya tidak stabil dari segi politik. Parti-parti pembangkang tidak seharusnya mempermainkan

rakyat. Cadangan mereka menggilir-gilirkan jawatan Perdana Menteri itu seolah-olah memperlecehkan tahap pemikiran rakyat. Belum pun diberi kuasa mereka sudah merancang perkara yang bertentangan dengan hasrat rakyat, bagaimanakah mereka mampu mentadbir sebuah kerajaan yang kuat dan disegani. Sekali pun beriya-iya mahu menjadi Perdana Menteri, tidak ada jaminan mereka akan menang dalam pilihan raya kelak. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) yang disertai 14 parti mewakili pelbagai kaum tidak pernah membangkitkan soal penggiliran jawatan Perdana Menteri. MCA, MIC, Gerakan dan parti-parti lain di Semenanjung, Sabah dan Sarawak menerima hakikat bahawa pemimpin Umno, sebagai parti tunjang dalam BN adalah paling sesuai menjawat jawatan itu. Di Pulau Pinang, atas kedudukan Gerakan yang mendapat sokongan rakyat berasaskan kepada kedudukan kerusi yang dimenangnya dalam pilihan raya umum, pemimpin parti di negeri itu, Tan Sri Koh Tsu Koon dilantik sebagai Ketua Menteri. Di Sabah, urusan menggilirkan jawatan ketua menteri begitu mudah dilaksanakan kerana semua parti dalam BN Sabah berpegang kepada matlamat perjuangan yang sama. Keadaan di Sabah tidak boleh disamakan dengan gabungan parti-parti pembangkang yang tidak sealiran dari segala segi.

(END)